



ORANG ramai yang hadir secara walk-in di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur baru-baru ini. —AFIQ RAZALI

(16 OGOS 2021) FOTO MOHAMAD HAFIZ

KL terawal capai imuniti kelompok

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA — Kuala Lumpur menjadi antara lokasi terawal di negara ini mencapai imuniti kelompok apabila lebih 80 peratus populasi dewasanya lengkap menerima dua dos vaksin Covid-19 semalam.

Menyatakan hal ini, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, berdasarkan laporan vaksinasi setakat 14 Ogos lalu, kira-kira 85 peratus populasi dewasa di Kuala Lumpur lengkap menerima dua dos vaksin.

Beliau berkata, Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan kedua mencapai imuniti kelompok selepas Labuan, pada 27 Julai lalu.

“Ketika ini, 92 peratus kelompok dewasa di Labuan menerima dua dos vaksin setakat semalam,

manakala Putrajaya pula berada pada tahap 74 peratus.

“Kejayaan itu hasil usaha keras pelbagai agensi dan petugas barisan hadapan sejak pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) pada 24 Februari lalu,” katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, ketika ini Kuala Lumpur berjaya mencapai kapasiti harian 53,000 dos yang dilaksanakan melalui 196 Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Sementara itu, Annuar berkata, walaupun trend kes harian di Kuala Lumpur masih lagi menunjukkan peningkatan, kes tertinggi yang dilaporkan kelmarin adalah daripada kategori 1 dan 2 iaitu 2,001 kes (96 peratus) dan sebahinya iaitu empat peratus atau 78 kes adalah dalam kategori 3, 4 dan 5.

Menurutnya, program vaksinasi juga berjaya menurunkan bilangan kes yang dibawa masuk ke hospital dan penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU).

“Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah turut menjadi salah satu penyumbang utama kepada pencapaian 80 peratus imuniti kelompok dewasa di ibu negara.

“Bermula 7 Jun lalu, Program Vaksinasi Bergerak MyMedic@ Wilayah ini telah berjaya memberikan suntikan vaksin kepada 279,376 warga Kuala Lumpur,” katanya.

Katanya, melalui kejayaan itu, Kuala Lumpur boleh membuat persiapan untuk beralih ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) supaya kegiatan ekonomi boleh kembali beroperasi seperti sedia kala secara berperingkat.